



Ketokohan Syekh Jamaluddin Al-Qasimi (1282 H-1332 H) Dalam Bidang Pendidikan

Muhammad Harmidi Harahap

Academi of Islamic Studies University of Malaya

Corresponding Author: ✉ harmidiharahap@yahoo.com

ABSTRACT

Pendidikan merupakan perkara yang penting dalam Islam. Setiap Muslim digalakkan untuk menuntut pelbagai jenis ilmu. Kepentingan pendidikan ini secara jelas dinyatakan dalam al-Quran dan al-Sunnah serta dijelaskan oleh para sarjana Islam menerusi karya-karya agung mereka. Makalah ini menyingkap penglibatan dan komitmen Syekh Jamaluddin al-Qasimi dalam bidang pendidikan. Beliau merupakan ulama besar kontemporari di Syam yang menghasilkan beberapa karya yang membincangkan idea-idea pendidikan. Makalah ini menumpukan kepada penglibatan beliau dalam bidang pendidikan yang merangkumi analisis mengenai para murid dan karya-karya pendidikan beliau. Perbincangan ini seterusnya mengkaji sumbangan dan karya-karya beliau dalam bidang pendidikan. Hasil kajian mendapati bahawa al-Qasimi banyak mengkaji tentang pendidikan akhlak, akhlak kepada diri sendiri, akhlak kepada Allah dan Rasulnya, akhlak didalam rumah dan sosial.

Kata Kunci

Pendidikan Islam, Pemikir Pendidikan Islam, Karya Agung Pendidikan Islam, Syekh Jamaluddin Al-Qasimi

PENDAHULUAN

Bidang pendidikan amat penting dalam kehidupan manusia dan diberikan penekanan dalam Islam melalui sumber utamanya, iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Al-Quran merupakan sumber rujukan dan pedoman yang lengkap dan sempurna dalam penyampaian pengajaran dan pendidikan. Ulama Islam termasuk Syekh Jamaluddin al-Qasimi turut memainkan peranan yang penting dalam menjelaskan asas yang terkandung dalam kedua-duanya melalui karya dan amalan mereka dalam bidang tersebut. Makalah ini akan membincangkan ketokohan Syekh Jamaluddin al-Qasimi dalam bidang pendidikan. Hal ini berikutan kajian berhubung ketokohan beliau dalam bidang pendidikan masih kurang dijalankan oleh mana-mana pengkaji lain. Oleh yang demikian, kajian ini dilihat relevan untuk diketengahkan kepada masyarakat.

Pengenalan Ringkas Syekh Jamaluddin Al-Qasimi

Imam Jamaluddin al-Qasimi merupakan salah seorang daripada ulama besar Syam (Syria). Jamaluddin al-Qasimi nama lengkapnya Muhammad

Jamaluddin Abul Paraj bin Muhammad Sa'id bin Qasim bin Sholeh bin Isma'il bin Abi Bakar dan lebih dikenal sebagai al-Qasimi. Beliau dinasabkan pada datuk beliau yang bernama al-Qasim seorang ulama. Al-Qasimi juga merupakan keturunan dua tokoh sufi terkenal yaitu: Syekh Abdul Qodir Jailani dan cucu dari tokoh tarekat Ad-Dasuqiyah Al-Husainiyah. Al-Qasimi dilahirkan pada Jamadil Awwal 1283H bersamaan 17 September 1866M di Damsyiq, Syria. Beliau meninggal dunia dalam usia 48 tahun pada 23 Jamadil Awwal 1332H bersamaan 1914M di Damsyiq. Beliau dilahirkan dalam kalangan keluarga yang terkenal dengan sifat taqwa dan berilmu. Ayah Al-Qasimi seorang ahli fiqh dan juga seorang sasterawan yang bernama Abu' Abdillah Muhammad Sa'id Abi al-Khair.

Ayahnya mewarisi perpustakaan yang mengandungi banyak literatur keilmuan dari datuknya, dan ayahnya yang mewariskan dan mengalirkan pelbagai ilmu kepada al-Qasimi secara langsung dari sumbernya, iaitu: buku-buku. Perpustakaan peribadi milik ayah al-Qasimi mengandungi pelbagai buku tentang tafsir, hadis, fiqh, bahasa, tasawuf, sastera, sejarah, usul fiqh, sosial kemasyarakatan, olah raga, perbandingan hukum, falsafah, dan sejarah perbandingan agama. Melalui kelebihan tersebut, al-Qasimi menjadi seseorang yang banyak mengkaji tentang karya-karya para ahli hadis usul fiqh, tasawwuf, ilmu kalam, sastera klasik mahupun yang kontemporari. Tidak mustahil sekiranya beliau menjadi seorang ilmunan yang berkelayakan dalam segala cabang ilmu pengetahuan. Al-Qasimi dianugerahi kecerdasan yang luar biasa. Oleh yang demikian, amat wajar sekiranya beliau berkelayakan dalam pelbagai bidang ilmu. Walaupun beliau banyak belajar secara sendirian menerusi buku-buku yang ada dalam perpustakaan ayahnya, namun beliau juga tidak melepaskan diri daripada pengaruh ilmunan lain yang dianggap sebagai gurunya. Muhammad Abduh merupakan salah seorang ulama yang banyak mempengaruhi perkembangan intelektual beliau.

Karya-karya Syekh Jamaluddin Al-Qasimi Tentang Pendidikan

Selain daripada melihat ketokohan Jamaluddin al-Qasimi dalam pendidikan dan jumlah guru dan muridnya juga dapat dibuktikan dengan mengkaji penulisan dan karya-karya yang dihasilkan. Beliau telah menghasilkan sebanyak 119 karya.

Perbincangan mengenai ketokohan Syekh Jamaluddin al-Qasimi dalam bidang pendidikan ini dapat diamati melalui perbincangan mengenai dalam karya-karyanya. Artikel ini akan membincangkan ketokohan beliau, karya beliau dalam bidang pendidikan:

1. *Ādab al-Dāriswa al-Mudarris*, risalah singkat yang bertajuk tentang adab dalam belajar dan mendidik. Dalam muqaddimah buku itu Syekh

Muhammad Bin Nashir al-A'jmi menyebutkan secara ringkas. Beliau dalam karya tersebut menukil dan membuat ringkasan karya Imam Muhyiddin al-Nawawiyang berjudul *Muqaddimah Al-Majmu'*. Al-Qasimi mempunyai kecenderunganyang tinggi terhadap buku tersebut, sehingga al-Qasimi merangkumnya sebanyak dua kali. Pertama, rangkuman yang panjang "*Adab Al-Alim wa Al-Muta'allim wa Al-Mufti Wa al-Mustafti*" al-Qasimi selesaimembuat ringkasan pada bulan Sya'ban 1317H. Rangkuman yang kedua beliaumelakukan penambahbaikan semula pada awal Sya'ban 1318H, dan membuat ringkasan kembali menjadi sepertiga dari ringkasan yang pertama menjadi "*Adab al-Alim wal Muta'allim*".

2. *Tanbīḥal-Ṭālib ila Ma'rifah al-Fardīwa al-Wājib*, bermaksud peringatan bagi penuntut ilmu untuk mengenal perbezaan antara yang fardhu dan yang wajib. Dicitak oleh Dar Ibn Hjami.
3. *Jawāmi' al-Ādab fī Akhlāq al-Anjāb*, bermaksud kumpulan adab dalam berbudi pekerti yang mulia.
4. *Lujūm al-Marātib fī al-Ādab* beserta Imam Ratib, bermaksud ketetapan tempat sunat dalam adab beserta imam ratib.
5. *Maw'izah al-Mukminīn min Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, bermaksud bimbingan mencapai darjat Mukmin. Buku iniditerjemahkan oleh H. Moh Abdai Rathomiy, Edisi Malaysia cetakan 2016.
6. *Al-Wa'zal-Maṭlūb min Qutl al-Qulūb*, bermaksud pengajaran yang dituntut dari makanan hati.

Adapun kitab *Maw'izah al-Mukminīn min Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* telah pun diterjemahkan dalam pelbagai bahasa seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia.

METODE PENELITIAN

Penelitian kepustakaan (Library Research). Penelitian kepustakaan adalah penelitian yang dilaksanakan dengan menggunakan literatur (kepustakaan), baik berupa buku, catatan, maupun laporan hasil penelitian terdahulu.

Teknik kepustakaan adalah "penelitian kepustakaan yang dilaksanakan dengan cara membaca, menelaah dan mencatat berbagai literatur atau bahan bacaan yang sesuai dengan pokok bahasan, kemudian disaring dan dituangkan dalam kerangka pemikiran secara teoritis"

HASIL DAN PEMBAHASAN

Konsep Pemikiran Al-Qasimi tentang Pendidikan

Menurut al-Qasimi, konsep *tarbiyah* atau pendidikan sebagaimana dalam surah al-Fatihah, iaitu perkataan *rabb* adalah merupakan bentuk *infinitive*

(*maṣḍar*) dengan makna tarbiyah, yakni proses penyempurnaan secara bertahap. Adapun perkataan *rabb* yang ditulis dengan menggunakan *al-ar-rabb* = الرب hanyadigunakan untuk Allah SWT. Perkataan tersebut dalam bentuk tunggal disandarkan (*idāhafah*) kepada perkataan lain yang berfungsi sebagai penguat, seperti perkataan *rabbā ad-dār* (الرب الدار), *irji'ila rabbika* (ارجع الى ربك).

Al-Qasimi menulis masalah pendidikan dalam sejumlah karyanya dalam kitab *Bimbingan Mencapai Darajat Mukmin*, memulakan penulisannya dengan huraian tentang keutamaan ilmu dan pendidikan, dan keutamaan belajar, keutamaan mengajar, lalu memberinya predikat yang tinggi kepada ilmuwan dengan dikuatkan firman Allah SWT dan pengakuan Nabi SAW. Di dalam al-Quran, terdapat ayat-ayat yang menerangkan tentang bukti-bukti mengenai keutamaan ilmu. Di antaranya sebagaimana firman Allah SWT di dalam al-Quran:

شهد الله أنه لا اله الا هو والملائكة وأولو العلم قائما بالقسط لا اله الا هو العزيز الحكيم (18)

"Allah menerangkan (kepada sekalian makhluknya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan melainkan dia, yang sentiasa mentadbirkan dengan keadilan dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu, tiada tuhan melainkan dia, yang Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana." (Ali Imran 03:18).

Ayat di atas menjelaskan bahawa kesaksian itu dimulakan dengan dirinya sendiri. Diikuti oleh malaikat dan orang-orang yang berilmu. Ini membuktikan kemuliaan dan keutamaan mereka. Salah satu di antara wasiat yang disampaikan oleh Luqman al-Hakim kepada anaknya adalah seperti berikut:

"Hai anakku, gaulilah para alim ulama dan rapatlah mereka itu dengan kedua lututmu, kerana sesungguhnya Allah SWT menghidupkan hati dengan cahaya hikmat sebagaimana dia menghidupkan bumi dengan hujan lebat dari langit."

Terdapat tujuh bab dalam kitab *Jawāmi' al-Āḍab fī Akhlāq al-Anjāb* tentang Pendidikan Akhlak, di antaranya adalah: Bab pertama Adab untuk Diri Sendiri; Bab kedua: tentang Adab orang yang berilmu, Adab seorang Guru, adab Murid kepada Gurunya, Bab ketiga di antaranya: Adab dalam Rumah, seperti Adab kepada orang Tua, adab kepada Saudara Senasab, Adab menggauli isteri-isteri, Adab pentingnya mendidik Anak dalam rumah; Bab keempat Adab Bersosialisasi, di antaranya: Adab kepada Sahabat, Adab kepada Teman, Adab berjalan; Bab kelima undang-undang kesihatan dan yang mengikutinya, di antaranya: ada menjaga kesihatan, adab minum, adab berpakaian; Bab keenam di antaranya: Adab Bepergian di antaranya: Adab dalam perjalanan; Bab ketujuh Adab nafkah dan perbezaannya, di antaranya: Adab memberi Nafkah dalam Rumah, Adab nafkah Ilmu dan Pendidikan.

Ramai pihak yang menyangka bahawa Ilmu Ladunni sangat sulit untuk diperolehi. mereka berpendapat itu diluar jangkauan kemampuan manusia. Al-Qasimi berkomentar tentang hal demikian, dan Al-Qasimi sepakat tentang ilmu Ladunni yang dikemukakan oleh Imam al-Gazhali. Model Ilmu Ladunni dapat dicapai dengan tiga model pendidikan, iaitu: pertama, dengan cara mempelajari seluruh ilmu dan mengambil bahagian yang terpenting; kedua, dengan cara melakukan latihan rohani (*riyadah*) yang benar dan pendekatan pada Allah SWT(*muraqabah*) yang soleh, berdasarkan hadis Nabi yang mengisyaratkan hakikat ilmu ini, iaitu:

من عمل بما علم أورثه الله العلم ما لم يعلم(رواه أبو نعيم من أنس بسند ضعيف)

“Barang siapa yang mengamalkan ilmu yang telah ia ketahui, maka Allah akan mewariskan (mengajarkan) kepadanya ilmu yang belum ia ketahui.”

Ketiga, dengan kontemplasi (*tafkīr*). Apabila jiwa telah terdidik dan mencintai ilmu seta amal, secara automatik akan terjadi proses kontemplasi (*tafkīr*) pada ketikaitu hasil fikir akan ditentukan oleh cara yang ditempuh, maka proses pintu ghaib akan terbuka, seperti orang yang jual beliyang memusingkan hartanya dengan syarat-syarat yang tertentu, maka terbuka pintu pintu untung dari jual belinya. Sekiranya pendekatan yang diambil adalah salah, ia akan terjadi pada lembah kehinaan yang merugikan. Jika pemikir itu mengambil pendekatan yang benar, maka jadilah ia cendekiawan yang sebenar (*dzawiyal-al-bab*). Pada ketikaitu, akan terbuka baginya timbangan (*mizan*) kebenaran yang ada dalam hatinya, sehingga ia menjadi ilmuan yang sempurna, intelektual yang kukuh, sebagaimana hadis Nabi SAW:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: تفكر ساعة خير من عبادة سبعين سنة

“Sabda Rasulullah SAW:berfikir sesaat lebih baik daripada beramal ibadah selama 70 tahun.”

Kunci Kebahagiaan adalah Pendidikan Personal yang didasari Ilmu Pengetahuan dan Pengamalan

Hakim berkata: ketika kemuliaan manusia ada pada kekuatan yang digapai, maka dia mesti memperbaikinya untuk mencukupi orang yang mempunyai kekurangan dan membimbingnya ke arah kebaikan-kebaikan, lalu di hadapannya terdapat jalan hidup dan akan mendapatkan sebab sebab kebahagiaan sehingga hidup tenang dan bahagia. Sekiranya tidak dituntun atau dibimbing, maka dia akan tenggelam dalam syahwat (keinginan), tersesat dari jalan yang tenang dan kasih sayang, akan dihantui kesengsaraan.

Apabila pendidikan seseorang itu baik dan sempurna, maka perbuatan dan akhlaknya akan menjadi lurus. Namun, apabila rosak pendidikannya, maka sebaliknya akan berlaku. Kebahagiaan dari kumpulan umat adalah terhenti atas pendidikan personal, apabila diperbaiki personal, dan mendidik

yang lain, mengambil asas agama, maka jadilah mereka anggota dari satu tubuh.

Matlamat Pendidikan Jamaluddin Al-Qasimi

Dalam Bahasa Arab, terdapat sejumlah istilah berkaitan tujuan pendidikan, antara lain *al-niyyat*, *al-irādah*, *al-ghardu*, *al-qaṣḍu*, *al-hadf*, dan *al-ghayah*. Sedangkan dalam Bahasa Inggeris diistilahkan dengan perkataan *goal*, *purpose*, *objective*, atau *aim*. Secara terminologi tujuan adalah suatu yang diharapkan tercapai setelah usaha atau kegiatan selesai.

Di antara matlamat pendidikan al-Qasimi ialah; a) Membentuk insan sempurna yang pada akhirnya mendekati diri kepada Allah SWT, seperti Surah al-Baqarah ayat 21, dan 201. Surah Adz-Dzariyat ayat 56, Surah Al-Mulk ayat 2. Semua yang berbentuk suruhan Allah SWT, larangan Allah SWT, Pendidikan atau pengajaran adalah pada intinya supaya manusia mendekati diri kepada Allah SWT; b) Membentuk insan sempurna yang pada akhirnya memperoleh kebahagiaan dunia dan akhirat. Seperti dalam Surah Yaasin ayat 11, peringatan dan amaran yang diberikan Allah SWT yang berkesan dan mendatangkan faedah hanya untuk orang yang mengamalkan al-Quran dan beramal soleh, tujuan untuk mendapatkan keampunan di dunia dan balasan di akhirat, dan Surah Al-Hadid ayat 25.

Di antara rumusan matlamat pendidikan ialah untuk melahirkan insan soleh dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek. Ia juga melengkapi tujuan kewujudan manusia di bumi ini sebagai hamba hamba dan khalifah Allah SWT untuk memakmurkan alam ini, selari dengan kehendak penciptanya, iaitu Allah SWT.

Tujuan pendidikan merangkumi tiga aspek, iaitu: aspek kognitif yang meliputi pembinaan minda, seperti kecerdasan, kepintarandan daya fikir. Aspek afektif yang meliputi pembinaan hati, seperti pengembangan rasa, kalbu, dan rohani, dan aspek psikomotor, ia itu: pembinaan jasmani, seperti kesihatan badan keterampilan. Ayat ayat tujuan pendidikan dalam tafsir al-Qasimi sebagai berikut: Surah al-Baqarah ayat 201 yang berkaitan kebaikan dunia dan akhirat; Surah Ali 'Imran ayat 102 berkaitan ketaqwaan; Surah al-Adzariyat ayat 56 berkaitan ibadah; Surah al-Baqarah ayat 30 berkaitan peranan manusia sebagai khalifah di muka bumi.

Al-Qasimi mendapatkan kesempurnaan insani yang bermuara pada pendekatan diri kepada Allah SWT, dan kesempurnaan insani yang bermuara pada kebahagiaan dunia dan akhirat. Kunci kebahagiaan merupakan pendidikan dirisendiri atas ilmu dan perbuatan.

Berkata Hakim: mana kala adalah kemuliaan manusia dengan kuat yang diperdapatinya, mesti mendidiknya supaya pergi akan sahabatnya dan

menghilangkan ketempat yang baik. Apabila pendidikan seseorang itu baik dan sempurna, maka perbuatan dan akhlaknya akan menjadi lurus. Namun, apabila rosak pendidikannya, maka sebaliknya akan berlaku.

Kebahagiaan dari kumpulan terukur dari pendidikan sendiri, apabila menjaga akhlak tersebut, dan mendidik mereka atas yang lain, dan mereka mempelajari asas-asas agama, serta menjaga semuanya, maka jadilah mereka anggota tubuh yang satu. Sebaik-baik pendidikan adalah semasa kecil, kerana ketika itu dalam keadaan tidak ada dosa, sangat mudah menerima kebaikan.

Al-Qasimi dalam penulisan *Jawāmi' al-Ādab fī Akhlāq al-Anjāb* menghuraikan tujuh bab tentang pendidikan Akhlak, iaitu: bab pertama adab untuk diri sendiri; bab kedua: tentang ada orang yang berilmu, adab seorang guru, adab murid kepada gurunya; bab ketiga di antaranya: adab dalam rumah, seperti adab kepada orang tua, adab kepada saudara senasab, adab mengggauli isteri-isteri; bab ke empat adab bersosial, di antaranya: ada kepada sahabat, adab kepada teman, adab berjalan; bab kelima undang-undang kesihatan dan yang mengikutinya, diantaranya: ada menjaga kesihatan, adab minum, adab berpakaian; bab keenam di antaranya: adab sapar di antaranya: ada orang yang dalam perjalanan; bab ketujuh adab nafkah dan perbezaannya, di antaranya: adab memberi nafkah dalam rumah, adab nafkah ilmu dan pendidikan.

Kehebatan dan Pujian Ulama terhadap Al-Qasimi

Beliau pernah berkata dalam pendahuluan kitab *al-Fadhlu al-Mubin* (hal 53) “ Alhamdulillah aku dikurniakan untuk menamatkan bacaan:

- Sahih Muslim dengan sempurnanya dalam masa 40 hari.
- Sunan Ibn Majah dalam masa 21 hari
- Muwatta' Imam Malik dalam masa 19 hari
- Taqrib al-Tahzib beserta dengan tashinya dalam masa 10 hari

Dalam tulisan David Commins yang bertajuk *Social Criticism and Reformist Ulama of Damascus* menyimpulkan bahawa al-Qasimi meyakini ilmu pengetahuan dan nilai-nilai kebajikan akan terus menurun seiring penurunan jumlah ulama.

أقوال العلماء فيه: مدح أمير البيان شكيب أرسلان: في هذه الحفبة الأخيرة جمال دمشق " وجمال القطر الشامي بأسره في غزارة يقول الأمير في سمحة الخلق ورجاحة العقل ونبالة القصد وغزارة العلم والجمع بين العقل والنقل والرواية والفهموم يكن في وقتها أعلى منهما فكراً وأبعد نظراً وأثقب ذهننا في فهم المتن والنصوص والتمييز بين العموم والخصوص فضله وسعة علمه.

Pendapat para ulama tentang al-Qasimi: Pujian Amir Shakib Araslan kepada al-Qasimi, pada tempoh terakhir ini Jamal Damaskus dan Jamal Negeri Syam dalam kelimpahan, dalam toleransi umat manusia, kesihatan

fikiran kelimpahan niat, kelimpahan antara akal, transmisi narasi dan pemahaman, dan pada masanya tidak ada pemikiran yang lebih tinggi dalam memahami teks dan nas dan perbezaan antara umum dan khusus manfaat dan luasnya pengetahuan.

قال عنه الشيخ رضا: هو علامة الشام ونادرة الأيام والمجدد لعلوم الاسلام محيي السنة بالعلم والعمل والتعليم والتهديب والتأليف واحد حلقات الاتصال بين هدى السلف والارتقاء الذي يقتضيه الزمن الفقيه الاصولي المفسر المحدث الأديب المتفتن التقي الاواب الحلیم الأواه.

“Syekh Rasyid Ridha berkata: Al-Qasimi adalah ulama Negeri Syam dan tokoh yang jarang pada masa ini. Beliau merupakan pembaharu kepada ilmu-ilmu Islam, pembangkit sunnah dengan ilmu pengetahuan dan amal, dan pembangkit pendidikan, dan pembelajaran juga pengarang, satu kumpulan yang menghubungkan di antara bimbingan para pendahulu atausalaf dan memperbaiki yang diperlukan zaman yang pakar fiqh, pakar hadismoden, seniman yang bertemu kompilasi yang jujur dan menyenangkan.”

يقول جميل العظیم: انفرد جمال الدين بفضائل أثيرة ومناقب كثيرة, وصير لصد مات المهاجرين من المتفهمة والقصاص والمخرفين وله معهم مواقف حافظ فيها علي سكينته ووقارة ولم يتجاوزهما حد المدافعة , فلم يسمع له فيها قعقة مرء ولا صليل جدل, فكان جمال الدين خلقة كجمال الدين في فارس , وكصديق حسن خان في الهند, والأستاذ الأمام في مصر , ولم أر من أستقام علي الطريقة بعد أولئك الثلاثة مثل الجمال القاسمي الا صاحب المنار.

“Jamil al-Azm mengatakan: Jamaluddin adalah seorang yang mempunyai sifat utama tersendiri dan banyak perbuatan baik yang dia lakukan, al-Qasimi sabar menghadapi tuduhan orang yang melontarkan celaan tidak bagus dari pihak yang mengaku ulama pintar dan orang yang bercerita dan orang yang berbohong, al-Qasimi menghadapi orang-orang itu dengan sabar dan tenang dan tidak membalas atau menaruh dendam juga membantah, Jamaluddin al-Qasimi mempunyai akhlak yang tinggi seperti Jamaluddin di Paris, dan Hasan Khan di India, dan al-Ustadz Imam di Mesir, saya belum pernah melihat orang yang berpegang dengan jalan yang benar sesudah mereka yang tiga itu seperti Jamal Al-Qasimi, kecuali pengarang Al-Manar iaitu: Rashid Ridha.”

وقال الشيخ ظاهر الجزائري: " انه وليد القرون , وقد فهم الشريعة كما فهمها الصحابة والتابعين "

“Syekh Zahir Al-Jazaery berkata: Al-Qasimi adalah permulaan abad, dia memahami ilmu syariat, sebagaimana pemahaman para sahabat dan tabi'in.”

وقال الأستاذ أنور الجندي: ولو ذهبنا نستقصي كل ما كتبه العلماء في الاشادة بفضل القاسمي لطال بنا المقام , ولكن نكتفي بما ذكر ونحيل علي الباقي خشية الاطالة.

“Berkata Ustadz Anwar Al-Jundi: jikalau kita pergi menyelidiki semua yang ditulis para ulama degan kelebihan al-Qasimi nescaya kita memiliki

kedudukan yang lama, akan tetapi memadai dengan apa yang disebutkan dan kita kurus pada sisanya kerana berpanjangan."

Guru-Guru Jamaluddin Al-Qasimi

Antara guru-guru kepada Jamaluddin Al-Qasimi ialah Syekh Abdur Rahman Al-Misra, Syekh Mamhmd al-Qusi, Syekh Rashid atau Ibn Sinan, Syekh Ahmad al-Halwani, Syekh Salim Al-Atthar, Syekh Bakri al-Attar, Syekh Muhammad Khan, dan Syekh Hasan. Adapun guru-guru al-Qasimi dalam pada "Sanad" bukunya yang bertajuk "At-Thali'ussa'id fi Muhamati Asanid" sebagaimana disenaraikan dalam biografi dan ijazah-ijazahnya ialah Syekh Muhammad Sa'id bin Qasim, Syekh Mahmud al-Hamzawi, Syekh Salim al-Athar, Syekh Muhammad ath-Thantawi, Syekh Abdrrazaq bin Hasan al-Baithar, Syekh Abd Qadir al-Hasani al-Jazairi, Syekh Nu'man bin Mahmud al-Alusi, Syekh Abu Mahasin Muhammad al-Qawuji.

Murid-Murid Syekh Jamaluddin Al-Qasimi

Murid-murid beliau terbahagi kepada tiga golongan, iaitu a) golongan ulama yang dari Syam, b) ulama di negaranya, c) tokoh yang terpengaruh advokasi serta penulisannya.

Antara golongan ulama yang dari Syam ialah; Syekh Muhammad Bahjah Al-Baitar, cucu dari Abdul Razzaq Al-Baytar; Syekh Hamid Al-Taqi, dia kerabat al-Qasimi dan yang paling tertua dari muridnya; Syekh Taufiq Al-Barza, salah seorang murid al-Qasimi yang terkemuka; Syekh Abdul Fattah; dan Syekh Muhammad Jamil Al-Shatti.

Manakala murid-murid al-Qasimi yang menjadi ulama di negaranya ialah; Syekh Muhammad bakhit al-Mutai'i. Mufti besar Mesir; Cendekiawan Ahmad Shakir seorang pakar hadis di Mesir; Syekh Abdul Aziz Al-Senani seorang ulama dari Najd; Syekh Muhammad bin Abdul Aziz bin Mani' juga ulama dari Najd.

Seterusnya, murid al-Qasimi di antara tokoh yang terpengaruh advokasi dan tulisannya ialah; Cendekiawan Muhib Ad-Din Al-Khatib, pemilik percetakan Salafi dan Perpustakaanannya; Syekh Khair al-Din Al-Zarkali, pakar Ahli Sejarah penulis kitab (Al-A'Lam).

KESIMPULAN

Jamaluddin al-Qasimi digelar seorang Tokoh kontemporari, seorang ulama besar Syam, seorang Pakar Qur'an Sunnah, dan ilmu pendidikan, nama gelar tersebut dari kalangan para ulama termasuk Rasyid Rida ulama dari Mesir. Guru-guru dan murid-murid beliau sangat banyak dan termasuk ulama besar.

Syekh Jamaluddin al-Qasimi telah memberika sumbangan besar kepada masyarakat Islam, khususnya dalam bidang pendidikan. Sumbangan yang diberikan kepada masyarakat Islam telah membawa suatu perubahan yang besar mmenerusi karya-karya beliau seperti *Maw'izah al-Mukminin min Ihyā'Ulūm al-Dīn*, bimbingan mencapai darjat Mukmin. Buku iniditerjemahkan oleh H. Moh Abdai Rathomiy, Edisi Malaysia cetakan dan juga ktab *Jawāmi' al-Ādab fī Akhlāq al-Anjāb*. Karya-karya hasil penulisan beliau masih digunakan sehingga kini sebagai rujukan leh para cendekiawan.

Didalam *Tafsīr Maḥāsīn al-Ta'wīl* ada 119 kitab dari seluruh karya beliau, enam buku tentang yang berkaitan ilmu pendidikan, dalam buku belia, beliau banyak menyoroti tentang akhlak atau karakter, dalam konsep pendidikan belia, beliau berpendapat bahawa kunci kebahagiaan dan keberuntungan adalah pendidikan personal dengan ilmu pengetahuan dan pengamalan. Matlamat pendidikan membentuk insan yang sempurna untuk bertaqwa kepada Allah SWT hingga mencapai kesenangan dunia dan akhirat.

DAFTAR PUSTAKA

- 'Abd al-Razzāq al-Baytar (1961). *Hilyah al-Bashār*. Dimashq: Matbū'āt Majmā' al-Lughah al-'Arabiyyah.
- Abusyahmin. Karya Ulama, Blogspot.com\18\Des \2020\ mawizhah-al-muminin.html.
- Afaqattaseer li al-Talim Ma'had, *Sirah al-Muassir Jamaluddin al-Qasimi*, net,18\Des\2020, html.
- Ahmad Yusuf Mohad (2014). *Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Hadits Irsyad, siri ke 312: Syekh Jamaluddin Al-Qasimi, Pejabat Mufti, (t,t dan t,p).
- Al-Ḥayyī 'Abd bin 'Abd al-Kabīr al-Kittānī (1982). *Fahras al-Fahāris wa al-Ithbāt*, vol. 1. t.t.p.: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Muhtasib as-Salam al-Majid (1997). *Visi dan Pradigma Tafsir al-Qur'an Kontemporer*, terj. Moh Magfur Wachid. Bangil: Al-Izzah.
- Al-Qaṣīmī, Jamāl al-Dīn (1957). *Maḥāsīn al-Ta'wīl*. Miṣr: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Qaṣīmī, Jamāl al-Dīn (1986). *al-Fatwāfi al-Islām*. Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qaṣīmī, Jamāl al-Dīn (2003). *Tafsīr al-Qaṣīmī Maḥāsīn al-Ta'wīl*. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Al-Qaṣīmī, Jamāl al-Dīn (2013). *Jawāmi' al-Ādab fā Akhlāq al-Anjāb*. Miṣr: Dār Ibn al-Zawj.

- Al-Qaṣīmī, Jamāl al-Dīn (t.t.). *Jawāmi' al-Adab fā Akhlāq al-Anjāb, Intipati Ihya' Ulumuddin Pengajaran Bagi Orang-Orang Mukmin Imam Al-Ghazali*. Terj. Abu Hasan Din Al-Hafiz. Kuala Lumpur: Darul Fajr.
- Al-Zikrī, Khayr al-Dīn (2002). *al-A'lām Qāmūs Tarājim li Ashharī al-Rizāl wa al-Nisā', Min al-'Arab wa al-Musta'ribīn wa al-Mustashriqīn*. Bayrūt: Dār al-'Ilm li al-Malayīn.
- Arief Armai (2002). *Pengantar Umum dan Metodologi Pendidikan*. Jakarta: Ciputat Press.
- As-Surianji. *Majelis Sama' Ijazah & Biografi Ulama*, Blogspot.com\19\Des\2020.html.
- Alkhoirot. *Status Kesufian Jamaluddin al-Qasimi*, html, net\19 Des 2020.
- David Commins (1993). *Social Criticism and Reformist Ulama of Damacus dalam Studia Islamica*. USA: Maisonneuve dan Larose.
- Muhammad Jamaluddin Al-Qasimi (2016). *Maw'izah al-Mukminīn min Ihya' 'Ulūm al-Dīn, Bimbingan Mencapai Darjat Mukmin*. Selangor: Pustaka Jiwa & Viktory Agencie.
- Muhammed Hanafi (1996). *Falsafah Pendidikan Menurut al-Quran*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Nata Abuddin (2010). *Ilmu Pendidikan Islam*. Jakarta: Kencana.
- Ma'had Afaqattaseer li al-Talim .*Sirah al-Mufassir Jamaluddin al-Qasmi*, google.com. 19\Dese\2020.
- Percikan Kehidupan, "Kumpulan Lintasan Ide yang Terserak, Sekilas Tentang Buku," wordpress.com, dicapai pada 21 Oktober 2019.
- Saiful Ghofur (2008). *Profil para Mufassir al-Quran dari Klasik hingga Kontemporer*. Jakarta: Pustaka Insani Media.
- Wilayah Persekutuan, muftiwp.gov.my\artikel.8 disember 2018.